

**ICU Dan MIC Hulus Bantuan Kilat Pada Mangsa Kebakaran Di Pulau Pinang**  
**Bernama**  
**29 Mei, 2012**

GEORGE TOWN, 29 Mei (Bernama) -- Unit Penyelaras Pelaksanaan (ICU) Jabatan Perdana Menteri dan MIC Pulau Pinang Selasa menghulus bantuan kilat kepada mangsa kebakaran di Solok York, di sini.

Penyelaras Parlimen Jelutong Ng Fook On berkata beliau telah menubuhkan badan penilaian bagi menaksir kerugian penduduk berkenaan.

"Kami prihatin dengan nasib 20 orang dari tiga keluarga yang hilang tempat tinggal dan mata pencarian dalam sekelip mata," katanya selepas menyampaikan sumbangan RM500 kepada setiap ketua keluarga terlibat di sini.

Dalam kejadian pada pukul 1 pagi ini, tiga premis dobi hangus melibatkan kerugian lebih RM200,000.

Perkampungan dobi yang dipanggil Perkampungan Dhoby Ghaut itu dikatakan berusia lebih 80 tahun.

-- BERNAMA

Hak Cipta Terpelihara © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=669545>